

Sinar Harian 26/8/2018 m/s 20

## 40 nelayan tradisional Kampung Pachakan terus bertahan

**PASIR PUTEH** - Sekurang-kurangnya 40 nelayan tradisional Kampung Pachakan terus bertahan dengan usaha mereka walaupun pendapatan tidak menentu dan bermusim.

Sebagai kampung di pinggir pantai, Laut China Selatan dianggap penduduk sebagai lapangan untuk mereka meraih rezeki harian untuk menyara keluarga.

Penduduk, Wan Razi Wan Hashim, 52, berkata, dia kagum dengan semangat penduduk yang tidak pernah serik walaupun berdepan pelbagai bentuk cabaran ketika menangkap ikan.

Katanya, nelayan pesisir pantai yang mewarisi pekerjaan



Nelayan tradisional Kampung Pachakan berbincang mengenai permasalahan mereka dengan aktivis masyarakat, Azmi Mohd Nor (Kiri).

keluarga sejak turun temurun yang masih mengamalkan kaedah lama untuk menaikkan bot dan hasil tangkapan menagih perubahan sesuai dengan



Nelayan tradisional Kampung Pachakan.

pembangunan pesat industri perikanan.

“Walaupun hanya kais pagi makan pagi, nelayan tradisional di sini bersyukur kerana

mempunyai pendapatan untuk perbelanjaan harian namun tetap berharap kerja-kerja memunggah ikan dan menaikkan bot setiap hari dapat dilakukan dengan kaedah lebih baik,” katanya.

Menurutnya, Komuniti Pengurusan Ekosistem Perikanan (KPEP) Pachakan yang diwujudkan berjaya membantu nelayan terbabit memasarkan hasil tangkapan.

“Apa yang penting ketika ini adalah memberi kemudahan kepada nelayan mendaratkan hasil kerana pusat nelayan terbabit di pantai, tidak ada jeti khusus.

“Ini menyukarkan kerja-kerja menaikkan ikan ke darat, nelayan

terpaksa membantu satu sama lain,” katanya.

Selain itu katanya, bot-bot yang dinaikkan ke pantai terdedah cuaca panas dan hujan kerana hanya diteduhkan dengan daun-daun kelapa.

“Apabila sampai satu tempoh, daun kelapa di bangsal itu terpaksa ditukar kerana kami tidak mampu membina tempat lebih baik untuk menyimpan bot, saya meminta pihak berkenaan memikirkan sesuatu bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi nelayan.

“Kita juga perlukan tempat lebih selesa untuk kaum wanita menyang ikan untuk dijemur kering, mereka hanya berteduh di bawah bangsal,” katanya.